

# Pasport disedia bolehkan gadis didakwa dirogol pulang ke Malaysia

PUTRAJAYA 28 Okt. — Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menyediakan pasport atau surat akuan cemas bagi membolehkan gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol di Pusat Tahanan Sementara, Sabah, dibawa pulang ke negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat berkata, siasatan kini sedang dijalankan oleh polis dan beliau akan mengarahkan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk membuat persediaan jika gadis berkenaan telah

disahkan sebagai seorang rakyat Malaysia.

“Kita boleh keluarkan pasport dan dokumen yang diperlukan, tetapi kita perlu dapatkan pengesahan terlebih dahulu,” katanya lagi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Meningkatkan Mutu Kerja KDN 2002 di sini, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Jamil Johari berkata, pihaknya belum membuat sebarang keputusan me-

ngenai status anggotanya yang dikatakan terlibat dalam kejadian rogol itu.

Katanya, ini kerana gadis itu perlu dibawa ke Sabah bagi membolehkan siasatan yang lebih rapi dibuat.

“Dia perlu terlebih dahulu membuat kawad cam dan sebagainya sebelum kita boleh mengambil tindakan ke atas anggota terbabit,” katanya pada sidang akhbar yang sama.

Semalam, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kerajaan Filipina perlu mempercepatkan proses penghantaran pulang gadis berkenaan selepas dia didapati sebenarnya rakyat Malaysia.

Kes berkenaan mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepadanya meminta Kerajaan Malaysia menyiasat dakwaan gadis berkenaan yang dikatakan rakyat Filipina dirogol dalam pusat tahanan itu.